

# LAWATAN KERJA TIMBALAN PANGLIMA TENTERA UDARA KE KOLEJ TENTERA UDARA

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5738-lawatan-kerja-timbangan-panglima-tentera-udara-ke-kolej-tentera-udara-3](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5738-lawatan-kerja-timbangan-panglima-tentera-udara-ke-kolej-tentera-udara-3)

ALOR SETAR, 19 Dis 19 - Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Seri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Kolej Tentera Udara (KTU).

Ketibaan beliau bersama rombongan di Pergerakan Udara telah disambut oleh Komandan KTU, Brig Jen Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM, serta Pegawai-pegawai Eksekutif Kolej.

Dalam rangka lawatan kerja beliau, satu taklimat ringkas telah diadakan berkenaan Kolej yang disampaikan oleh Ketua Cawang Kejuruteraan, Mej Lidum Anak Rabing TUDM dan beliau turut dibawa ke Hangar bagi melawat persekitaran Cawang Kejuruteraan serta melihat pesawat PC7 MK II.

